

**HISTORICAL ANALYSIS, CONCEPT OF DIAT AND ITS RATE, AND ITS SUITABILITY FOR IMPLEMENTATION IN MALAYSIA**

**ANALISIS SEJARAH, KONSEP DIAT DAN KADARNYA SERTA KESESUAIAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA**

Muhamad Darwisy Mohd Razali <sup>i</sup>, Lukman Abdul Mutalib<sup>ii</sup>, Wan Abdul Fattah Wan Ismail<sup>iii</sup>, Ahmad Syukran Baharuddin<sup>iv</sup>, Radzniwan A Rashid<sup>v</sup>, & Naji Arafat Haji Mahat<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. muhddarwisy91@gmail.com

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. lukman@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. wanfattah@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. ahmadsyukran@usim.edu.my

<sup>v</sup> Profesor Madya, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia. mradzniwan@usim.edu.my

<sup>vi</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia. naji.arafat@utm.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Examining the reality of current life in Malaysia, diat's punishment has room to be implemented in the law today. Road accidents are not an unfamiliar thing in Malaysia's pluralistic society and the diat punishment system is seen to provide justice to victims also help in lightening the burden of offenders. The concept of diat and basic property for diat are discussed a lot by past and contemporary scholars and differ greatly views on the concept of diat and basic property for diat payment. Therefore, this study aims to explore the history of diat legislation from the time before the arrival of Islam, and its transformations after the arrival of Islam as well as analyze the diat basic of properties payments. This study also aims to examine the economy and the current reality of community life in Malaysia to see the suitability of diat value setting rates that are relevant to be implemented. The methodology used is a library research method based on primary sources such as the Quran and hadis and secondary sources taken from the collection of documentation such as journals, articles, books, theses, internet sources, papers, newspapers, and others to find out current issues that arise and the views of contemporary Islamic scholars as well as the opinions or views of past scholars which are very important to get an interpretation of the primary sources related to the implementation of this diat system. The results of this study found that the implementation of the diat system in current legislation in Malaysia is still relevant from the point of view with the harmonization between the diat legal system and civil law, in fact, the diat basic of property is studied also can be implemented by evaluating the current economic situation in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Punishment, Basic property, Diat, Economy, Legislation.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Meneliti realiti kehidupan semasa di Malaysia, hukuman diat mempunyai ruang untuk dilaksanakan dalam undang-undang pada masa kini. Kemalangan jalan raya bukanlah perkara yang asing lagi dalam masyarakat majmuk di Malaysia, malahan sistem hukuman diat dilihat dapat memberi keadilan yang sewajarnya kepada mangsa dan turut membantu dalam meringankan beban pesalah.</i></p>

*Konsep diat dan harta asas bagi diat banyak dibincangkan oleh ulama silam dan kontemporari serta berbeza pandangan dalam konsep diat dan harta asas bagi pembayaran diat. Lantaran itu, kajian ini bertujuan menelusuri sejarah perundangan diat dari zaman sebelum kedatangan Islam, dan perubahannya selepas kedatangan Islam serta menganalisis harta pembayaran diat. Kajian ini juga, bertujuan meneliti ekonomi dan realiti semasa kehidupan masyarakat di Malaysia bagi melihat kesesuaian kadar penetapan nilai diat yang relevan untuk dilaksanakan. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kajian kepustakaan berdasarkan sumber primer iaitu al-Quran dan hadis serta sumber sekunder diambil dari pengumpulan dokumentasi iaitu jurnal, artikel, buku, tesis, sumber internet, kertas kerja, akhbar dan lain-lain untuk mengetahui isu-isu semasa yang berbangkit dan pandangan ulama kontemporari Islam serta pendapat atau pandangan ulama silam yang amat penting bagi mendapatkan tafsiran bagi sumber primer yang berkaitan pelaksanaan sistem diat ini. Hasil kajian ini mendapati, pelaksanaan sistem diat dalam perundangan kini di Malaysia adalah masih relevan dari sudut pengharmonisasian antara sistem perundangan diat dan undang-undang sivil, malahan harta pembayaran diat diteliti dapat dilaksanakan melihat kepada keadaan ekonomi semasa di Malaysia.*

*Kata kunci: Hukuman, Harta asas, Diat, Ekonomi, Perundangan.*

## **PENGENALAN**

Ganti rugi merupakan kaedah pembayaran dalam bentuk wang yang digunakan sebagai pampasan kerugian akibat daripada kecederaan atau kehilangan yang dialami oleh seseorang (Samudin, 2021). Secara umumnya, tujuan asas pemberian ganti rugi ialah meletakkan orang yang rugi untuk kembali kepada keadaan asalnya sebelum kerugian berlaku (*The Malaysian Insurance Institute, Pre-Contract Examination Insurance Agent*, 2014). Dalam Islam, kaedah pemberian ganti rugi terbahagi kepada dua bentuk, pertama berkaitan dengan nyawa dan kecederaan diri adalah ganti rugi diat, manakala kedua melibatkan harta dan material adalah dhaman. diat merupakan pemberian ganti rugi atas kematian atau kecederaan fizikal yang dialami oleh seseorang individu (Samudin, 2021).

Dalam syariat Islam, hukuman ke atas kesalahan merupakan salah satu aspek yang penting. Sistem hukuman jenayah Islam mempunyai pelbagai peruntukan dan hukuman bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia sejagat dan memberi hak kepada yang berhak secara adil dan saksama. Ulama-ulama silam dan semasa banyak menulis dan membincangkan setiap aspek yang berkaitan hukum jenayah Islam. Antaranya adalah hukuman diat dilihat sebagai suatu perbahasan yang penting dalam aspek hukum jenayah Islam (Abdullah et al., 2012).

## **HIKMAH PENSYARIATAN DIAT**

Fitrah manusia itu sentiasa menuntut alasan tentang mengapa sesuatu perkara perlu dilakukan dan mengapa mereka dilarang dari melakukan sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa terdapat beberapa perkara tertentu yang hanya Allah SWT mengetahui jawapannya. Dalam hal ini, manusia perlu meyakini dan mempercayai bahawa sesuatu hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT adalah untuk menjaga kemaslahatan mereka (Abdullah et al., 2012). Pelaksanaan konsep diat bukan sahaja membela hak mangsa malah turut memelihara nyawa pesalah dan keluarganya kerana kehalusan sifat Islam itu yang menolak sebarang dikriminasi dalam menghargai perasaan setiap yang bernyawa. Al-Quran dan hadis banyak menyatakan dan menerangkan secara jelas akan pensyariatian diat.

## Al-Quran

### 1. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

﴿وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَفْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا حَطًّا وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطًّا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا ۚ فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

Maksudnya: "Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana" (al-Quran. al-Nisa: 92)

### 2. Kemudian dalam surah al-Baqarah Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ فَمَنْ عُصِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَأْتِيَاعُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ أَعْتَدَىٰ بِعَدَاةٍ فَلَهُ فَلَةٌ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya" (al-Quran. al-Baqarah: 178).

Kedua-dua ayat al-Quran di atas telah menjelaskan secara hakikat pensyariatian diat sebagai salah satu hukuman dan dendaan dalam Islam. Menurut Abdullah et al., (2012) sekiranya sesuatu pembunuhan berlaku, maka si pelaku itu hendaklah membayarkan diat ganti rugi kepada pihak mangsa kecuali mendapat kemaafan dari pihak mangsa. Selain itu, pesalah juga dikehendaki membayar kaffarah, iaitu dengan membebaskan hamba mukmin yang merupakan hukuman asal kerana ia bukan berbentuk hukuman gantian kepada hukuman lain. Al-Quran juga ada menjelaskan hukuman diat juga terpakai kepada orang-orang kafir yang mengikat perjanjian dengan orang-orang Islam sama ada menjadi pesalah ataupun yang menjadi mangsa.

**As-Sunnah**

Diriwayatkan dari 'Uqbah bin Aus bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{وعن عبد الله بن عمر عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "قتيل الخطأ شبه العمد، قتيلا السوط والعصا، فيه مائة من الإبل، أربعون منها في بطونها أولادها"}

Maksudnya: "Sesungguhnya pembunuhan serupa sengaja ialah pembunuhan dengan cemeti, tongkat dan batu, (diatnya) 100 ekor unta yang diberatkan, 40 ekor di antaranya ada anaknya di dalam perutnya". (Hadis Sahih. Ibn Majah. Bab Diyah Shibhu al-Amd al-Mughallazah. No. 2627).

Menurut Abdullah et al., (2012) hadis di atas menunjukkan pensyariatan diat ketika berlakunya sesuatu pembunuhan serupa sengaja melibatkan alatan ataupun sebarang benda secara logiknya tidak membunuh. Islam telah menggariskan jenis diat yang mesti dibayar oleh pesalah sekiranya pembunuhan serupa sengaja berlaku. Menurut pandangan jumhur, harta yang dibayar itu mesti diambil dari harta si pesalah malahan pembunuhan serupa sengaja tersebut dikategorikan sebagai pembunuhan sengaja namun perbezaannya dari segi tempoh tuntutan bayaran yang mesti disegerakan.

Imam Syafie dalam kitabnya *Musnad* menjelaskan ulama-ulama bersetuju menentukan kadar diat yang harus dibayar bagi kesalahan membunuh seorang lelaki merdeka pada zaman Rasulullah SAW adalah 100 ekor unta manakala pada zaman Umar RA kadar diat yang harus dibayar oleh penjenayah adalah 1000 dinar atau 12,000 dirham dan diat bagi membunuh seorang perempuan Islam yang merdeka adalah 500 dinar atau 6000 dirham. Menurut Dr Wahbah al-Zuhayliyy, (2004) persetujuan yang berlaku di kalangan ulama yang dinyatakan oleh Imam Syafie dalam kitabnya *Musnad* telah dipersetujui secara keseluruhannya oleh ulama dengan *ijma'*.

Di samping itu, konsep diat bukan sahaja membawa manfaat kepada pihak mangsa serta keluarganya, malah turut membantu pihak pesalah (Abdul Mutalib, 2021). Ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW amat menggalakkan agar umatnya saling bermaaf-maafan antara satu sama lain. Hal ini menyokong bahawa konsep diat bukan hukuman yang bersifat materialistik bahkan merupakan pampasan kepada mangsa kerana mampu memaafkan pesalah yang telah menindasnya serta pampasan itu wajib diberikan oleh pesalah kepada mangsa.

**SEJARAH AWAL PERUNDANGAN DIAT**

Diat pada awalnya merupakan suatu bentuk adat yang diperturunkan ke satu generasi kepada generasi yang lain melalui pengamalan nenek moyang atau masyarakat setempat. Pelaksanaan hukuman darah dibayar yang bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyyah malah, diamalkan oleh hampir keseluruhan masyarakat purba serta ia merupakan satu bentuk pelaksanaan ganti rugi yang bersifat universal (Ismail, 2017).

Bangsa Arab dalam adat turun temurun mereka telahpun menerima pakai konsep diat sebagai amalan dan kebiasaan bagi mereka. Kabilah bangsa Arab amat dikenali dengan sikap penyatuan atau semangat bersatu yang amat kuat dalam kalangan kabilah mereka sendiri. Menurut Abdullah et al., (2012) bangsa Arab mempunyai semangat bersatu padu kabilah yang sangat kuat. Demi menjaga kemuliaan darah anggota kabilah masing-masing mereka sanggup bermusuhan dan membalas dendam atas dasar kebersamaan serta semangat kekitaan yang begitu kuat (Ismail, 2018). Oleh hal itu, sikap mereka dalam pembelaan adalah satu perkara yang penting walaupun menentang orang lain.

Menurut Lippman et al., (1988) menyatakan prinsip hukuman yang diguna pakai oleh bangsa Arab jahiliyyah adalah *lex talionis* (undang-undang mata untuk mata). Pendekatan ini berdasarkan sistem hidup nomad dan berpuak-puak bangsa tersebut. Tambah beliau lagi, bangsa Arab umumnya tidak mempunyai sistem perundangan yang

tersusun iaitu sistem perundangan mereka didasari oleh semangat tanggungjawab terhadap kabilah dan suku kaum masing-masing. Justeru, penyelesaian bagi setiap perselisihan yang berlaku diselesaikan dengan tujuan untuk memuliakan kabilah mereka.

Tambahan pula, kehidupan masyarakat Arab dipengaruhi oleh alam sekelilingnya kerana kebanyakan mereka tinggal di gurun pasir yang kering-kontang. Oleh hal itu, keadaan tersebut memaksa mereka hidup sentiasa berpindah-randah, khususnya dalam mencari satu tempat yang subur untuk bercucuk tanam sebagai bekalan makanan mereka dan binatang ternakan (Abdul Mutalib, 2021). Menurut beliau lagi, dalam usaha mencari tempat yang sesuai kerap kali berlaku perebutan dan pembunuhan antara satu kabilah dengan kabilah yang lain. Akibatnya, berlakulah kematian dan lahirlah sifat berdendam antara mereka.

Menurut Ahmad Idris (1986), keadaan kehidupan ini memaksa masyarakat Arab tidak boleh hidup bersendirian. Oleh hal yang demikian, mereka mesti hidup secara berkumpulan dan bersatu padu antara ahli-ahli kumpulannya agar dapat bersaing dan tidak ditindas oleh musuh-musuh mereka daripada kumpulan yang lain. Menurut beliau, setiap ahli berjanji setia membantu kumpulannya dalam apa jua keadaan sama ada dalam perkara baik atau buruk serta bersatu hati dalam setiap tindakan. Keadaan inilah yang disebutkan sebagai semangat kekabilahan (*asabiyyah qabaliyyah*). Semangat kekabilahan ini adalah satu-satunya cara masyarakat Arab menjaga kepentingan mereka dan keselamatan keluarga mereka daripada ancaman luar.

Tambahan lagi, masyarakat Arab Jahiliyyah juga dikenali dengan ketaksuban mereka terhadap semangat kabilah iaitu 'asabiyah terus mewujudkan perasaan permusuhan yang kuat terhadap kabilah lain. Dengan berlakunya pembunuhan bagi membela antara ahli kabilah mereka telah menimbulkan perasaan dendam dan permusuhan yang panjang. Sifat membalas dendam yang tertanam bertahun-tahun menyebabkan sering timbul pergaduhan walaupun disebabkan oleh perkara yang remeh. Malah, peperangan antara dua suku kerap kali berlaku lanjutan dari perselisihan dan isu remeh temeh seperti satu perkataan menghina (El Awa, 1999). Contohnya, peperangan antara Bani Bakr dan Bani Taghlib berlanjutan hingga 40 tahun kerana seorang dari suku Bani Taghlib membunuh seekor unta betina kepunyaan seorang wanita suku Bani Bakr (Ahmad Idris, 1986).

Bangsa Arab menetapkan kadar pampasan mengikut kekuatan dan martabat sesuatu suku. Diat yang biasa dikenakan oleh bagi bangsa Quraisy ialah sebanyak 100 ekor unta. Walau bagaimanapun, kadarnya berbeza bagi pembesar-pembesar Quraisy iaitu sebanyak seribu ekor unta. Selain itu, kerap juga berlaku jumlah wang pampasan yang berbeza ditetapkan terhadap beberapa suku kaum lain. Menurut El Awa (1999), peraturan ini banyak bergantung kepada kekuatan dan martabat sesuatu suku daripada yang lain.

Kebiasaannya, beberapa orang dari suku yang lain diperlukan sebagai galang ganti untuk menebus maruah bagi sesuatu suku atau puak yang menjadi mangsa. Permusuhan dan pembunuhan yang berlarutan timbul disebabkan oleh faktor perasaan dendam yang telah menjadi budaya dalam diri individu setiap bangsa Arab Jahiliyyah (Abdullah et al., 2012). Sekiranya seseorang dari kabilah mereka dibunuh oleh ahli kabilah yang lain, mereka tidak berpuas hati dengan hanya membunuh si pesalah sahaja malahan akan menuntut lebih daripada itu seperti menghapuskan seluruh kabilah (El Awa, 1999).

Misalnya, kisah seorang pembesar Arab yang ternama, anaknya Syas bin Zuhyr bin Judaynah dibunuh maka satu penyelesaian secara aman cuba diusahakan apabila bapanya telah mengajukan tiga permintaan yang mustahil kepada wakil suku pembunuh dan meminta wakil tersebut memilih satu daripada permintaan tersebut jika tidak mahu menuntut balas atas kematiannya anaknya iaitu permata, menghidupkan kembali anaknya; kedua, memakaikannya pakaian (*ridak*) dari bintang; atau ketiga, menyerahkan semua ahli suku pesalah untuk dibunuh. Namun begitu, bapanya tetap menegaskan bahawa tiada satu pun yang dapat menggantikan anaknya (El Awa, 1999).

Menurut Abdullah et al., (2012) meringkaskan bahawa konsep diat yang diamalkan oleh bangsa Arab Jahiliyyah mengandungi perkara-perkara seperti balas dendam, kemuliaan kaum, perasaan asabiyyah, tanggungjawab kolektif dan kewajipan untuk membalas dendam; kelima-lima aspek tersebut saling menyokong dalam membentuk konsep balas dendam yang diamalkan oleh Arab Jahiliyyah. Tambahan lagi, kemuliaan kaum merupakan aspek utama yang diperjuangkan oleh mereka serta perasaan asabiyyah diterapkan agar setiap ahli kaum dapat bersama-sama memikul tanggungjawab memelihara kemuliaan kaum mereka. Membalas dendam adalah salah satu cara bagi mereka untuk mempertahankan maruah kaum mereka (S.A Alsagoff, 2006).

Melalui catatan sejarah, sistem diat telah pun wujud sebelum kedatangan Islam serta diamalkan oleh bangsa Arab Jahiliyyah secara turun temurun. Maka dengan kedatangan Islam sistem diat telah diolah supaya lebih adil dan pelaksanaan konsepnya sesuai mengikut syariat Islam selari mengikut peredaran zaman.

### KADAR DIAT BAGI PEMBAYARAN PAMPASAN

Pada asasnya bentuk pembayaran diat dalam bentuk unta ataupun nilai unta tersebut berdasarkan pengaruh adat bangsa Arab yang bersandarkan kepada bilangan unta. Namun demikian, diat tidak terbatas kepada bilangan unta semata-mata (Abdullah et al., 2012). Diat juga boleh dibayar dalam bentuk emas, perak, binatang ternakan seperti sapi (lembu), kambing dan biri-biri, ataupun persalinan pakaian berdasarkan kepada nas-nas dan hadis-hadis.

Firman Allah SWT:

﴿وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ﴾

Maksudnya: "Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahawa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisasnya (balasan yang sama). Barangsiapa melepaskan (hak qisasnya) maka itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang zalim". (al-Quran. Al-Maidah: 45)

Diriwayatkan daripada Abu Bakar bin Muhammad bin 'Amru bin Hizam daripada bapanya daripada datuknya bahawa Nabi S.A.W pernah menulis surat kepada penduduk Yaman dan antara kandungannya:

{ أن من اعتبط مؤمنا قتلا عن بينة، فإنه قود إلا أن يرضى أولياء المقتول، وإن في النفس الدية مائة من الإبل، وفي الأنف إذا أوعب جدعه الدية، وفي اللسان الدية، وفي الشفتين الدية، وفي الذكر الدية، وفي البيضتين الدية، وفي الصلب الدية، وفي العينين الدية، وفي الرجل الواحدة نصف الدية، وفي المأمومة ثلث الدية، وفي الجائفة ثلث الدية، وفي المنقلة خمس عشرة من الإبل، وفي كل أصبع من أصابع اليد والرجل عشر من الإبل، وفي السن خمس من الإبل، وفي الموضحة خمس من الإبل، وإن الرجل يقتل بالمرأة، وعلى أهل الذهب ألف دينار }

Maksudnya: "Sesiapa yang terbukti bersalah membunuh orang yang beriman tanpa sebarang alasan yang munasabah dia akan dihukum bunuh melainkan sekiranya kaum lelaki keluarga mangsa redha. Diyat bagi satu nyawa ialah 100 ekor unta. Hidung yang dipotong sepenuhnya dikenakan diyat, bagi lidah dikenakan diyat, bagi dua bibir dikenakan diyat, bagi zakar dikenakan diyat, bagi dua buah zakar dikenakan diyat, bagi sulbi

dikenakan diyat, bagi dua mata dikenakan diyat, bagi sebelah kaki dikenakan separuh diyat, bagi ma'mumah (iaitu luka di kepala yang sampai ke membrane otak) dikenakan satu pertiga diyat, bagi jaiyah (iaitu tikaman yang sampai ke rongga kepala atau rongga perut) dikenakan satu pertiga diyat, bagi munaqqilah (iaitu pukulan yang menyebabkan tulang beralih) dikenakan 15 ekor unta, bagi setiap satu jari tangan atau kaki dikenakan 10 ekor unta, bagi satu batang gigi dikenakan 5 ekor unta, bagi al-muadhdhihah (iaitu kecederaan yang menampakkan tulang) dikenakan 5 ekor unta, lelaki yang membunuh seorang wanita akan dihukum bunuh dan orang yang hanya mempunyai emas dikenakan membayar 1,000 dinar" (Hadis Mursal. Sunan An-Nasa'ie. Bab Qasamah. 8/57) .

Antaranya lagi, hadis yang menyebut harta asas dan kadar ganti rugi bagi kecederaan serta kehilangan anggota banyak dirujuk berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW. Seperti hadis riwayat Abu Bakar bin 'Ubaidillah bin Umar, dari Umar RA dari Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

{ فِي الْأَنْفِ إِذَا جُدِعَ الدِّيَةُ كَامِلَةً، وَإِذَا جُدِعَتْ تَنَدُّوْتُهُ فَنَصْفُ الْعَقْلِ حَمْسُونَ مِنَ الْإِبِلِ أَوْ عَدْلُهَا مِنَ الذَّهَبِ، أَوْ الْوَرِقِ أَوْ مِائَةِ بَقْرَةٍ أَوْ أَلْفِ شَاةٍ، وَفِي الْيَدِ إِذَا قُطِعَتْ نِصْفُ الْعَقْلِ، وَفِي الرَّجْلِ نِصْفُ الْعَقْلِ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثُلُثُ الْعَقْلِ، ثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ مِنَ الْإِبِلِ، وَثُلُثٌ أَوْ قِيَمَتُهَا مِنَ الذَّهَبِ، أَوْ الْوَرِقِ، أَوْ الْبَقْرِ، أَوْ الشَّاءِ، وَالْجَائِفَةُ مِثْلُ ذَلِكَ وَفِي الْأَصَابِعِ فِي كُلِّ أُصْبُعٍ عَشْرٌ مِنَ الْإِبِلِ }

Maksudnya: "Pada hidung apabila patah seluruhnya dikenakan diat 100 unta, pada satu tangan 50 ekor, satu kaki 50 ekor, satu mata 50 ekor, luka yang mengenai kulit otak sepertiga (diat) pembunuhan, luka yang sampai rongga kepala atau perut sepertiga (diat) pembunuhan, luka yang membuat tulang terlihat 5 ekor, dan pada setiap jari diatnya 10 ekor" (Hadis Hasan. Abu Daud, Bab Diyat al-A'dha'. No. 4564).

Hadis di atas secara konklusinya menyimpulkan bahawa kehilangan setiap anggota yang tunggal atau berpasangan, kadarnya ialah diat penuh. Manakala kehilangan sebahagian daripada anggota yang berpasangan, kadarnya ialah separuh daripada jumlah diat sebaliknya kehilangan anggota yang banyak seperti jari atau gigi kadarnya ialah 1/10 daripada diat penuh mengikut kepada jumlah anggota yang tercedera atau hilang. 1 diat penuh adalah bersamaan dengan 100 ekor unta, atau 1000 dinar emas, atau 12,000 dirham perak. Namun, nilai bagi kadar tersebut bukanlah suatu yang tetap, atau mengikat untuk diikuti. Tuntas yang mengikat adalah prinsip dalam kadar diat tersebut iaitu kehilangan atau kecederaan anggota sama ada tunggal, berpasangan atau banyak, maka kadarnya adalah sama ada diat penuh,  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{10}$ ,  $\frac{3}{4}$  dan sebagainya.

Berdasarkan dalil al-Quran, hadis dan pendapat Saidina Umar Al-Khattab RA, kaedah dan cara pembayaran diat, bukan hanya tertakluk kepada satu nilai sahaja malahan ianya lebih melihat kepada kesesuaian dan kemudahan untuk membayar serta mengambil kira ekonomi semasa. Secara tidak langsung, ini membuktikan kaedah pembayaran diat amat sesuai digunakan dalam setiap peredaran zaman.

#### **KADAR PENENTUAN NILAI DIAT YANG SESUAI DI MALAYSIA**

Secara umumnya, pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat meletakkan pembayaran diat dibuat berdasarkan kepada nilai unta. Persoalannya, bagaimana pelaksanaan pembayaran diat dapat dilaksanakan berdasarkan sandaran ini di negara-negara seperti Malaysia, Brunei, Indonesia dan selainnya apabila unta sukar diperoleh? Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Usamah dari Muhammad bin 'Amru bin 'Alqamah berkata:

{ قَالَ: كَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ فِي الدِّيَاتِ فَذَكَرَ فِي الْكِتَابِ، وَكَانَتْ دِيَةُ الْمُسْلِمِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ فَقَوَّمَهَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ عَلَى أَهْلِ الْقُرَى أَلْفَ دِينَارٍ أَوْ اثْنَيْ عَشَرَ أَلْفَ

دِرْهِمٍ وَكَانَتْ دِيَةُ الْحُرَّةِ الْمُسْلِمَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسِينَ مِنَ الْإِبِلِ فَقَوَّمَهَا عُمَرُ  
بْنُ الْخَطَّابِ عَلَى أَهْلِ الْفُرَى خَمْسَ مِائَةِ دِينَارٍ، أَوْ سِتَّةَ آلَافٍ دِرْهِمٍ {

Maksudnya: "Ditulis oleh Umar bin Abdul Aziz dalam bab diat dan diat yang harus dibayar bagi kesalahan membunuh seorang lelaki yang merdeka pada zaman Rasulullah SAW adalah 100 ekor unta. Kadar diat pada masa pemerintahan Umar bin Al-Khattab RA ke atas pesalah yang merupakan penduduk bandar, kadar diat yang harus dibayar adalah sebanyak 1000 dinar atau 12,000 dirham. Untuk kadar diat yang harus dibayar bagi kesalahan membunuh seorang perempuan Islam yang merdeka pada zaman Rasulullah SAW adalah 50 ekor unta manakalan pada zaman Umar bin Al-Khattab RA ke atas pesalah yang merupakan penduduk bandar adalah sebanyak 500 dinar atau 6000 dirham (al-Marzawiy, 1999 : 111).

Menjawab persoalan di atas, menurut Abdullah et al., (2012) tindakan Saidina Umar Al-Khattab RA memberi gambaran bahawa unta hanya digunakan sebagai contoh sahaja dan tidak semestinya wajib membayar dengan menggunakan unta serta diat tidak terbatas pada unta sahaja malahan boleh dibayar dalam bentuk haiwan lain seperti sapi (lembu), biri-biri dan lain-lain, atau wang tunai atau harta bernilai yang lain sebagai ganti unta.

Selain itu, menurut al-Kasaniyy, (1986) Imam Malik dan Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa pembayaran diat boleh dibayar dalam bentuk emas atau perak. Hal ini kerana, melihat kepada kesesuaian tempat, budaya dan masyarakat itu sendiri. Jika sekiranya unta sukar diperoleh maka diat boleh dibayar dengan mata wang mengikut nilai dan kadar jumlah nilai unta tersebut (Abdullah et al., 2012).

Dalam satu riwayat Imam Ahmad menyatakan Imam Syafie berpendapat bahawa medium pembayaran diat pada asasnya dikehendaki dengan menggunakan unta sahaja. Sekiranya situasi pada zaman tersebut menghendaki berpindah kepada nilai lain seperti emas atau perak, maka nilai tersebut perlu dinisbahkan dengan nilai unta sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan Saidina Umar Al-Khattab RA (Ahmad Ibrahim, 1990).

Pendapat ini disokong dengan beberapa dalil hadis dan peristiwa pada zaman Rasulullah SAW antaranya hadis riwayat Abu Bakr bin Muhammad bin Amru bin Hazm daripada ayahnya daripada datuknya bahawasanya Rasulullah SAW menulis kepada ahli Yaman yang terkandung di dalamnya berkenaan faraid, sunah-sunah, dan juga diat. Tulisan tersebut dibacakan kepada penduduk Yaman bahawasanya bagi setiap jiwa itu 100 ekor unta. Maka, hadis ini menunjukkan bahawa asal bagi pembayaran diat adalah unta kerana hadis telah menukilkan perkara tersebut.

Namun demikian, nilai unta di Malaysia kini dilihat kepada baka, bentuk fizikal dan kesihatan unta tersebut sehingga harga seekor unta dewasa yang berusia 4 tahun dapat mencecah kepada RM 32,000 (Harian Metro, 2022). Dengan nilai atau harga seekor unta, demikian ia menyukarkan pengiraan bagi penentuan kadar bayaran Diat di Malaysia. Oleh itu, penulis cenderung kepada pandangan dari mazhab Imam Malik dan Imam Abu Hanifah yang berpandangan nilai diat boleh dibayar menggunakan wang emas atau wang perak kerana nilainya sentiasa relevan pada setiap zaman serta meneliti dengan keadaan ekonomi semasa di Malaysia.

## CADANGAN DAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap isu kemalangan jalan raya di Malaysia, penulis ingin mencadangkan agar satu kerangka atau sistem yang berasaskan diat diwujudkan serta diaplikasikan dalam undang-undang kini. Sistem diat juga sering menjadi perbincangan di kalangan ulama-ulama silam dan kontemporari, ini menunjukkan bahawa



kepentingan diat dalam sistem perundangan Islam mesti diterapkan bagi menjaga kemaslahatan masyarakat dan negara.

Kajian ini juga mencadangkan kadar penentuan nilai diat dengan merujuk kepada nilai dirham perak atas sebab peningkatan nilai perak yang sangat relevan dengan ekonomi semasa di Malaysia. Peningkatan nilai ini memberi maksud tingginya nilai nyawa dan anggota tubuh badan yang nilainya tidak akan jatuh bahkan semakin tinggi disamping itu, ia juga tidak memberi bebanan yang berat kepada pesalah. Walau bagaimanapun, penilaian ini boleh diberi penafsiran semula berdasarkan ijtihad dengan melihat situasi dan status kewangan semasa negara. Berdasarkan perkadaran diat, nilai 1 dirham ialah nilai perak tulen (999) seberat 2.975g. Jika harga RM2.75 bagi 1g perak maka 1 dirham bersamaan RM8.20. Oleh itu, ukuran nilai diat penuh ialah 12,000 dirham perak yang bersamaan RM98,400.00. Manakala, ½ daripada nilai diat penuh ialah RM49,200.00 dan begitulah seterusnya (Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan).

Tambahan lagi, sistem diat dilihat sebagai mekanisme alternatif serampang dua mata dalam membantu hakim menjatuhkan hukuman kepada pesalah bahkan dapat memberikan tuntutan pampasan yang wajib dibayar oleh pesalah kepada mangsa atau warisnya. Sistem diat dapat dilihat membantu dalam memberikan hak kepada mereka yang berhak terlibat dalam kemalangan jalan raya di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Meneliti realiti kehidupan semasa di Malaysia, hukuman diat mempunyai ruang pelaksanaan dalam undang-undang kini. Kemalangan jalan raya bukanlah perkara yang asing lagi dalam masyarakat majmuk di Malaysia, malahan sistem hukuman diat dilihat dapat memberi keadilan yang sewajarnya kepada mangsa bahkan turut membantu dalam meringankan beban pesalah. Kadar dan nilai diat yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan hadis sekaligus dapat membantu hakim Mahkamah dalam menetapkan hukuman pampasan kepada pesalah. Kaedah pelaksanaan yang telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat banyak memberi panduan yang jelas kepada kita pada masa kini tetapi ia bersifat tradisional kerana dibina berdasarkan waqi' dan keperluan pada masa itu sahaja. Namun, hal demikian tidak menjadi halangan untuk diperbaharui supaya bergerak selari dengan undang-undang kini bagi menjadikannya fleksibel dan dinamik dalam menghadapi isu-isu semasa. Hal ini kerana, kaedah pelaksanaan diat itu sendiri dibentuk melalui ijtihad para sahabat Rasulullah SAW mengikut peredaran zaman. Selain itu, diat merupakan sebahagian daripada hukuman Syariah yang bersifat universal dan masih relevan untuk dilaksanakan serta kesamaan prinsipnya dalam undang-undang restoratif. Tambahan lagi, dengan pengharmonisasian sistem diat dengan kaedah sedia ada masih relevan untuk diimplimentasikan ke atas seluruh rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Justeru, keadaan ini menguatkan lagi justifikasi keperluan pemberian ganti rugi melalui pendekatan harmonisasi diat dan undang-undang di Malaysia yang berpotensi menjadi satu alternatif baru kepada kaedah pemberian ganti rugi sedia ada.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas sokongan yang diberikan melalui geran "Mekanisme Penilaian Ganti Rugi Berdasarkan Diat (Sifir Diat) Bagi Penyelesaian Pampasan Kemalangan Maut Dan Kecederaan Diri Akibat Nahas Jalan Raya Di Malaysia" (FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/15)

## **RUJUKAN**

### **Buku**

'Awdah, Abdul Qadir 'Awdah. 1998. *Al-Tasyrik al-Jinaiyy al-Islamiyy*. Beirut: Maktabah al-Risalah.

- 'Iwadh Ahmad Idris. 1986. *Al-Diyah Bayna al-Uqubah Wa al-Ta'widh Fi Fiqh al-Islamiyy al-Muqaran*. Beirut: Maktabah Al-Hilal.
- Abdul Mutalib, L. 2021. *Konsep 'Aqilah Dalam Realiti Pelaksanaan Sistem Diat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Abdullah, M. N., Hashim, H., Yusof, N., A. Shukor, H., Chow Jen, N. Z., & Ghulam Khan, I. N. 2012. *Diyat Dalam Perundangan Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Abi Dawud, Sulayman Ibn al-Ash'ath. 1996. *Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 176.
- al-Halawiyy, Muhammad Abdul Aziz. 1999. *Fatwa dan Ijtihad Umar bin Khattab Ensiklopedia Berbagai Persoalan Fiqh*. Surabaya: Risalah Gusti. h. 298.
- al-Kasaniyy. Ala'uddin Abu Bakar bin Mas'ud. 1986. *Badai' Sanai' Fi Tartib Al-Syarai'*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 7, h. 254.
- al-Marzawiyy, Abu Abdullah Muhammad bin Nasir bin Al-Hijaj al-Marzawiyy. tt. *Kitab As-Sunnah Lil Marzawiyy*. Beirut: As-Saqafiyah. h. 111, No. 239.
- al-Rasa', Muhammad al-Ansariyy al-Rasa'. 1993. *Syarah Hudud Ibn Arfah*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ghar al-Islamiyy.
- al-Sarakhsiyy, Ahmad ibn al-Tayyib al-Sarakhsiyy. 1993. *Al-Mabsut*. Jld. 26. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- al-Sharbiniyy, Muhammad Khatib al-Sharbiniyy, 1958. *Mughni Muhtaj*. Jilid 4. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Shawkaniyy, Muhammad Ibn 'Aliyy. 2004. *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar*. Bayrut: Bayt al Afkar al-Dawliyyah. h. 1371.
- al-Syafie, Muhammad Ibn Idris. 2001. *al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa' wa al-Taba'ah li al-Nashr wa al-Tawzi'. h. 257.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1998. *Nazariyyah al-Daman wa Ahkam al-Mas'uliyah al-Madaniyyah wa al-Jina'iyah fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaramah*. Dimashq: Dar al-Fikr. 272-273.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 2004. *Fiqh Islami Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. Jil. 7. h. 5703.
- El-Awa, M. S. 1999. *Hukuman dalam Undang-Undang Islam: Satu Kajian Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 1981. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah. 2627.
- Ibrahim, Y. A. 1990. *Miqdar al-Diyah al-Nafs fi al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Taqdiruha fi al-'Asr al-Hadir*. Jurdan: Maktabah al-Banin. h. 558-562.
- Muhamad, A. B. 2009. *Undang-undang Tort Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, A. B., & Ramli, W. M. A. 2009. *Fitnah Dalam Undang-undang Tort Islam dan Undang-undang Tort Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. A. al-Sagoff, S. A. 2006. *Al-Diyah as Compensation for Homicide Wounding in Malaysia*. Research Center. International Islamic University Malaysia.
- The Malaysian Insurance Institute. 2014. *Pre-Contract Examination Insurance Agent*. Shah Alam: The Malaysian Insurance Institute. h. 13-261.

### Tesis

- Abdul Mutalib, L. 2004. *Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baharuddin, A. S. 2017. *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. Thesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

### Jurnal

- Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., & Wan Ismail, W. A. F. 2019. *Takaful Diat: Alternative Compensation Mechanism for Road Accidents in Malaysia*. International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE), 8(2S11), 558-566.

- Abdul Mutalib, L., Mas'ad, M. A., Muda, R., Hasan, Z. & Hj Hanafi, L. H. 2017. *Kaedah Pelaksanaan Sistem Diat Dalam Kes-Kes Kemalangan Jalanraya Di Malaysia; Satu Tinjauan Awal*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 194-213.
- Hanafi, M. S. 2013. *From Jahiliyyah to Islamic Worldview: In a Search of an Islamic Educational Philosophy*. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(2): 213-221.
- Ismail, P. 1997. *Asas Perbezaan Kadar Diat antara Lelaki dan Wanita Menurut Undang undang Islam*. *Jurnal Syariah*, 5(2): 229-237. <https://ajap.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22978>
- Ismail, P. 2012. *Pelaksanaan Diyat Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*. *Jurnal Fiqh*, 9, 1-20. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol9no1.1>
- Ismail, S. Z. & Samudin, S. A. 2018. *Pampasan Ganti Rugi Mangsa Kemalangan Jalan Raya: Ke Arah Mengintegrasikan Diat Dengan Insurans Di Malaysia*. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol. 30, no. 1.
- Ismail, S. Z. 1999. *Kemalangan Maut Jalan Raya Menurut Perspektif Undang-undang Malaysia dan Islam*. *Jurnal Syariah* 7: 97.
- Ismail, S. Z. 2012. *The Modern Interpretation of the Diat Formula for the Quantum of Damages: The Case of Homicide and Personal Injuries*. *Arab Law Quarterly* 26: 361-379.
- Ismail, S. Z. 2017. *Pampasan Kecederaan Fizikal Akibat Kecuaian Menurut Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: International Law Books Services 132.
- Muhammad Shahidul Islam. 2015. *Compensation of Road Accidents in Islamic Law: An Analysis*. *Journal of Islam, Law and Judiciary*. vol. 1, no. 4. 19-34.
- Musa, M. H. 2015. *Penggunaan Emas dan Perak dalam Menentukan Nilai Pampasan Diyat: Suatu Analisis ke Atas Nilai-nilai Pertukaran Mata Wang Semasa*. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19, 17-28.
- Samudin, S. A. 2021. *Sejarah Diat dan Aqilah Serta Pelaksanaannya Pada Masa Kini*. *Islamiyyat*, 43(2), 69-80. <http://journalarticle.ukm.my/17707/1/52122-171186-1-PB.pdf>.
- Yaakub, R. & Abdul Rahman, N. H. 2017. *Analisis Pemilikan Takaful Keluarga Atau Insurans Hayat Dalam Kalangan B40*. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis (JQMA)*, 13(2), 29-38.

#### Internet

- PKP Turunkan Kadar Kemalangan. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/03/pkp-turunkan-kadar-kemalangan/> (Diakses pada 20 Mei 2022).
- Public Gold Price 2022. <https://publicgold.me/marini> (Diakses pada 13 September 2022)
- Pusat pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/arkib-nisab-tahunan/> (diakses pada 30 September 2022)
- Statistik Pengangkutan Malaysia 2018. Kementerian Pengangkutan Malaysia. <https://www.mot.gov.my/my/Statistik%20Tahunan%20Pengangkutan/Statistik%20Pengangkutan%20Malaysia%202018.pdf> (Diakses pada 25 Mei 2022)
- Unta Jadi Pilihan Ibadah Korban 2022. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/860034/unta-jadi-pilihan-ibadah-korban-metrotv> (Diakses pada 09 September 2022)

#### Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*